



Istita'ah dalam Ibadat Haji

► **Mohd. Kamel Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari, Universiti Teknologi Mara

Ibadat haji menurut pandangan mazhab Syafii bermaksud mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadat yang tertentu, dengan syarat-syarat yang khusus. Perhimpunan terbesar umat Islam seluruh dunia ini hanya berlaku sekali setahun, iaitu pada bulan Zulhijah, dan tidak berlaku dalam ibadat-ibadat lain yang disyariatkan dalam Islam.

Ibadat haji juga menjadi lambang persaudaraan sesama umat Islam yang dizahirkan secara terbuka melangkaui batasan bahasa, kedudukan negara dan warna kulit. Maka itu, lahirlah kesatuan dan persamaan dalam kalangan kaum Muslimin yang bertemu pada satu lokasi di Makkah. Kesemuanya bersatu dalam rutin pelaksanaan ibadat yang sama, dengan berpakaian serba putih sehingga tidak terdapat langsung perbezaan dari segi pangkat, sama ada miskin ataupun kaya, serta pekerja ataupun majikan. Kehalusan

jiwa dan nurani yang terpancar di sebalik nilai persamaan ini mengingatkan manusia tentang keadaan sewaktu dilahirkan daripada rahim ibu tanpa sebarang keistimewaan dan perbezaan.

Pelaksanaan ibadat haji juga pastinya mengingatkan kaum Muslimin tentang perjuangan dan pengorbanan agung Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail ketika membina Kaabah, serta peristiwa Hajar dan Nabi Ismail berulang-alik mencari air di antara Safa dan Marwah. Falsafah melontar jamrah di Mina pula merupakan

manifestasi penentangan terhadap syaitan yang sentiasa mengganggu anak Adam untuk melakukan ketaatan kepada Allah SWT.

Sudah pasti nostalgia berada di Padang Arafah yang menjadi induk pelaksanaan ibadat haji melalui amalan yang mendekatkan diri kepada-Nya dan mengharapkan pengampunan daripada Allah merupakan detik yang menggamit ingatan mereka yang melaksanakan ibadat haji. Pesanan yang penuh bernilai dalam khutbah Arafah dan inti pati khutbah semasa haji perpisahan pastinya dapat membentuk jati diri seorang Muslim yang sentiasa meletakkan syariat Allah sebagai matlamat dalam kehidupannya.

Syarak menetapkan beberapa syarat khusus bagi orang yang diwajibkan menunaikan ibadat haji. Menurut mazhab Syafii, seperti yang dinukilkan dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji*, syarat wajib haji ialah beragama Islam, berakal, baligh, merdeka, aman dalam perjalanan dan *istita'ah* (berupaya dan berkemampuan). Dalam hal *istita'ah* ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.” (*Surah Ali 'Imran* 3:97).

Rasulullah SAW juga bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar bahawa seorang lelaki menemui nabi dan bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah antara sebab yang mewajibkan haji? Baginda bersabda, “Ada bekalan dan kenderaan.” Perkataan “bekalan dan

kenderaan” ditafsirkan sebagai merujuk *istita'ah* seperti dalam ayat al-Quran tersebut. •

Ciri-ciri *istita'ah* dalam konteks pelaksanaan ibadat haji merujuk kemampuan yang dimiliki dari sudut harta yang mencukupi untuk mengerjakan haji. Hal ini termasuklah tambang dan tiket pengangkutan, perbelanjaan pergi dan balik, dan perbelanjaan untuk menyediakan kos pasport perjalanan merangkumi kos keseluruhan yang telah ditetapkan oleh pihak berautoriti yang sudah pastinya merujuk agensi kerajaan yang diberikan tanggungjawab mengurus ibadat haji, iaitu Lembaga Tabung Haji (TH).

Kos sebenar untuk setiap jemaah haji melalui muassasah pada kebiasaannya akan meningkat dari setahun ke setahun. Sebagai contoh, bagi tahun 2022 kos haji adalah sebanyak RM28 632, namun bagi tahun 2023, kosnya adalah sebanyak RM30 850. Walau bagaimanapun, Bantuan Kewangan Haji bersasar telah dilaksanakan oleh TH dalam pelaksanaan haji pada tahun 2023 bagi mengurangkan beban kewangan bakal jemaah haji. Walaupun terdapat kenaikan kos dan bayaran menunaikan haji, golongan B40 akan menerima Bantuan Kewangan Haji sejumlah RM19 870 seorang atau 64 peratus daripada kos haji, manakala golongan M40 akan menerima bantuan sejumlah RM14 870 seorang atau 48 peratus daripada kos haji sebenar.

Oleh itu, kadar bayaran haji bagi seseorang jemaah haji melalui Bantuan Kewangan Haji

bersasar adalah seperti yang berikut:

1 Bantuan kewangan haji untuk golongan B40

Kadar bayaran haji untuk jemaah haji muassasah dalam kumpulan B40 yang pertama kali menunaikan haji ditetapkan pada RM11 980 seorang, iaitu meningkat sebanyak RM1000 berbanding dengan tahun sebelumnya. Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah menanggung kenaikan tersebut dan bakal haji golongan B40 hanya perlu membayar RM10 980 seorang, sama dengan kadar tahun sebelumnya.

2 Bantuan kewangan haji untuk golongan M40

Bagi seorang jemaah haji muassasah yang pertama kali menunaikan haji dan dalam golongan M40, bayaran haji meningkat sebanyak RM3000 kepada RM15 980 seorang.

3 Tiada bantuan kewangan haji untuk T20 dan rayuan luar giliran

Bayaran penuh kos haji, iaitu RM30 850 seorang ditetapkan bagi golongan T20. Mereka yang merayu luar giliran untuk menunaikan haji secara muassasah juga perlu membayar penuh kos haji sebanyak RM30 850 seorang, melainkan rayuan sebagai mahram kepada jemaah atau rayuan sebagai pembantu kepada jemaah lanjut usia yang telah terpilih menunaikan haji.

Perlu juga dijelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan kos haji ialah kos langsung yang dibayar bagi mendapatkan perkhidmatan untuk menunaikan ibadat haji seperti kos penerbangan dan penginapan yang merangkumi kira-kira 70 peratus daripada kos keseluruhan. Kos lain antaranya termasuklah sajian makanan, pengangkutan bas, khemah di Arafah dan Mina serta perkhidmatan mutawif selama 40 hingga 45 hari. Hampir kesemua perkhidmatan ini disediakan di Arab Saudi dan terkesan dengan kenaikan Cukai Tambah Nilai dan kadar inflasi di negara tersebut.

Selain daripada kos langsung, TH turut menanggung sepenuhnya kos tidak langsung yang meliputi kursus persediaan haji, penerbitan buku panduan, perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan petugas haji. Bayaran haji pula merujuk sejumlah wang yang ditetapkan sebagai bayaran seorang jemaah haji kepada TH untuk membolehkannya menunaikan haji bagi satu-satu tahun.

Peningkatan kos ini sebenarnya bukanlah ditetapkan oleh TH secara sesuka hati dan sewenang-wenangnya. Hal tersebut bertitik tolak berikutan peningkatan kos, kenaikan cukai dan caj perkhidmatan baharu yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Berdasarkan jumlah kos dan bayaran yang telah dinyatakan ini, adakah umat Islam dapat mencapai syarat berkemampuan memandangkan kos yang pastinya akan meningkat dari semasa ke semasa? Dalam hal ini, perlu difahami bahawa



Bantuan Kewangan Haji Bersasar dilaksanakan oleh Tabung Haji untuk meringankan beban bakal jemaah haji.

konsep menunaikan ibadat haji amat berkaitan rapat dengan kemampuan, dan Allah SWT tidak memaksa seseorang yang tidak berupaya menunaikannya disebabkan masalah kewangan. Kewajipan itu akan tergugur sekiranya syarat ini tidak dapat dipenuhi. Usaha disebabkan mahu menunaikan haji, seseorang itu terpaksa bergolok-gadai, berhutang keliling pinggang dan menghabiskan wang simpanan dengan tidak meninggalkan apa-apa baki simpanan untuk kegunaan seharian.

Gugur juga kewajipan haji sekiranya seorang itu berasa bimbang dirinya akan berhadapan dengan beberapa kemungkinan seperti penyamun, perompak atau lanun, serta wujudnya wabak penyakit seperti taun dan selesema burung. Begitu juga gugur kewajipan haji jika seseorang itu berada dalam situasi semasa yang tidak aman seperti dibimbangkan hartanya akan dirampas pada bila-bila masa. Hal yang sama juga apabila

seseorang itu berhadapan dengan masalah kuota haji yang memerlukan penggiliran berdasarkan tarikh pendaftaran untuk mengerjakan haji. Semua ini termasuk dalam kategori tidak mempunyai *istita'ah*. Hal ini bertepatan dengan kaedah yang bermaksud “bahawa setiap tindakan yang membawa kerosakan atau yang menolak kemaslahatan, maka hal tersebut ditegah”. Oleh itu, hukumnya menjadi tidak wajib dan tidak berdosa jika tidak mampu kerana terhalang disebabkan permasalahan *istita'ah* tersebut.

Situasi ini pernah terjadi apabila seluruh dunia diuji dengan pandemik COVID-19. Ibadat haji diwajibkan mengikut kemampuan seseorang, apatah lagi semasa musim wabak. Hal ini disebabkan oleh sifat rahmat dan kasih sayang Allah terhadap hamba-Nya bagi mengelakkan kehilangan nyawa disebabkan penularan penyakit bersesuaian dengan prinsip maqasid syariah dari segi menjaga agama dan nyawa.

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) ke-37 pada 21 hingga 23 Disember 2020 telah memutuskan resolusi berkaitan dengan *istita'ah amniyah* (keamanan dan keselamatan) dalam ibadat haji. Hal tersebut merangkumi keselamatan dalam aspek nyawa, harta, kehormatan, kesihatan, perjalanan, tempat tinggal di tanah suci dan pelaksanaan ibadat haji. Muzakarah telah memutuskan bahawa pihak kerajaan berhak menghadkan bilangan atau tidak membenarkan bakal jemaah haji menunaikan fardu haji ketika wabak sekiranya boleh membawa kemudaratan kepada masyarakat dan negara.

Resolusi ini seiring dengan keputusan yang telah dimuktamadkan oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-6 pada 8 Jun 2020 supaya ibadat haji jemaah dari Malaysia pada musim haji tahun 1441 Hijrah (2020) ditangguhkan, sekalipun Kerajaan Arab Saudi mengumumkan pelepasan ibadat haji pada tahun tersebut. Penangguhan itu berterusan untuk tahun 2021 seperti yang dikeluarkan dalam laman web TH pada 13 Jun 2021: "Satu daripada syarat wajib haji ialah berkemampuan atau *istita'ah* untuk pergi menunaikan haji. Antara ciri *istita'ah* termasuklah kemampuan dari segi kesihatan, kewangan, keamanan dalam perjalanan, pengangkutan yang selamat dan kebenaran kuota haji."

Dr. Wahbah al-Zuhaili berkata bahawa "keselamatan bermaksud keselamatan nyawa dan harta orang yang

mengerjakan haji di sepanjang jalan yang akan dilalui dan tempat yang sepatutnya diziarahi, walaupun hanya secara berat sangka (*zanni*).” Hal ini bermaksud bahawa jika seseorang itu berasa tidak selamat atau bimbang terhadap keselamatan nyawa, isteri atau hartanya kerana terdapat binatang buas, musuh, perompak atau penyamun (yang menunggu mereka) dan tiada jalan lain yang selamat, maka pada ketika itu ibadat haji tidak wajib ke atasnya kerana bencana dan ancaman tersebut.

Dalam hal berkenaan dengan *istita'ah*, jemaah haji yang mengeluarkan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masih dianggap termasuk dalam kategori berkemampuan memandangkan wang tersebut miliknya sendiri yang sempurna. Bahkan pihak KWSP memberikan ruang kepada pencarum untuk mengeluarkan wang daripada akaun yang hanya bertujuan untuk menampung perbelanjaan asas mengerjakan haji, dan bukan kos keseluruhan perbelanjaan haji. Hal ini bagi memastikan pengeluaran yang dibuat bagi tujuan mengerjakan haji ini tidak menjejaskan simpanan semasa persaraan nanti.

Selain itu, terdapat juga sesetengah bakal haji yang membuat pinjaman untuk mencukupkan kos dan bayaran haji, adakah hal tersebut termasuk dalam konsep *istita'ah* atau sebaliknya? Berhubung dengan persoalan ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-15 Jun 2005 telah membincangkan tentang Hukum Skim Pinjaman Wang daripada Koperasi dan Seumpamanya untuk menunaikan Fardu Haji atau Umrah, Muzakarah telah memutuskan bahawa harus bagi seseorang itu berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut, dan hal tersebut tidak menjejaskan kehidupan sehariannya. Skim pinjaman itu pula hendaklah diurus melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, *taawun* (bantu membantu), adil dan telus dalam operasinya di samping bebas daripada unsur riba.

Oleh itu, *istita'ah* ini hendaklah dilihat secara holistik merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan fizikal, kewangan, ilmu yang akan diaplikasi dalam pelaksanaan haji, pengurusan hal ehwal haji dan lain-lain keperluan yang membolehkan seseorang mengerjakan ibadat haji. Inilah perbezaan antara ibadat haji dengan ibadat lain yang meletakkan *istita'ah* sebagai syarat wajib pelaksanaannya. Islam amat meraikan kemampuan umatnya kerana ibadat haji merupakan satu ibadat yang mencabar untuk dilaksanakan. Maka itu, Allah SWT bersifat ihsan terhadap hamba-Nya dengan memberikan sedikit kelonggaran dan keringanan. Sekiranya seseorang itu mempunyai kemampuan, maka laksanakanlah. Akan tetapi, jika tidak mampu, maka boleh dikecualikan dan tidak terpikul dengan bebanan dosa. 🕌